

03/05/2004

Warna Motion saji Setitik Peluh Sebutir Intan

By Akmal Abdullah

BUAT pertama kalinya, Warna Motion Pictures melangkah ke dunia penerbitan drama selepas 22 tahun bertumpu pada penerbitan iklan komersial, dokumentari dan video korporat. Ia berikutan semangat yang diberikan RTM terhadap syarikat produksi itu untuk hidangan sebuah kisah masyarakat yang berlatarkan dunia pertanian moden.

Drama bersiri berjudul Setitik Peluh Sebutir Intan cuba membawa persoalan pertanian dalam skop lebih meluas dan matang yang bertumpu kepada kemampuannya dari segi ekonomi serta industri yang mapan selain diselitkan elemen kemasyarakatan dan kekeluargaan.

Menerusi arahan Nahar Akbar Khan, drama itu juga cuba mengheret kesedaran penonton supaya menjengah ruang pekerjaan di desa atau luar bandar yang sebenarnya berpotensi dari segi pendapatan lumayan, sekali gus melihat semula sektor pertanian setanding pekerjaan profesional lain.

Ketua Bahagian Bekalan Filem RTM, Ahmad Ismail, berkata RTM berminat memberi tugas kepada Warna Motion Pictures untuk menyiapkan siri drama 26 episod itu sebagai usaha meningkatkan imej sektor pertanian kerana yakin dengan cara itu ia boleh membuka minda penonton.

"Kita harap drama ini apabila disiarkan kelak akan mampu mendapat perhatian masyarakat kerana di dalamnya dimuatkan elemen pendidikan dan kepentingan pertanian dalam sesebuah negara. Setitik Peluh Sebutir Intan adalah usaha untuk meningkatkan imej sektor pertanian. Kita amat berterima kasih kepada penduduk kampung yang turut menjayakan drama ini.

"Walaupun mereka memberi sumbangan yang sedikit tetapi ia amat penting. Sama dengan sebuah enjin, jika tidak ada sebatang skru ia boleh menjejaskan enjin berkenaan. Maka kerja berpasukan dalam drama ini boleh berjaya seperti diharapkan.

"Jika Gerak Khas boleh menaikkan imej polis, kita juga mahu Setitik Peluh Sebutir Intan akan dapat menaikkan imej petani, penternak dan peladang," katanya di pelancaran drama bersiri itu terbitan Warna Motion Pictures di Kampung Kayu Ara, Mambau, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Urusan Warna Motion Pictures, Datuk Mustapha Maarof dan Timbalan Presiden Persatuan Pengeluar Filem Malaysia (PFM), Datuk Yusof Haslam; Datuk Jins Shamsudin selain beberapa pelakon dan pengarah drama berkenaan.

Nahar ketika ditemui berkata, penggambaran bermula 23 April lalu dan untuk melengkapkan 26 episod, ia dijangka selesai pertengahan Jun ini.

Katanya, antara pelakon terbabit ialah Mustapha yang membawa watak utama dengan nama Datuk Maarof, iaitu lelaki tua yang menjadi peladang contoh kerana kejayaannya dalam pertanian.

"Pelakon lain ialah Ramli Salleh, Rickyno Baharom, Liza Shahdan, Nurul Akma Afida, Aimi Jarr dan ramai lagi termasuk pelakon tambahan dari kalangan penduduk kampung. Antara lokasi yang digunakan ialah Mambau, Lenggeng, Jimah dan beberapa kawasan lain sekitar negeri Sembilan.

"Meskipun berlatar belakangkan kisah pertanian, perladangan, penternakan dan hal berkaitan dunia tani tetapi elemen dramatik, mood dan suspen selain perkembangan watak yang tetap diberi perhatian. Kita tidak mahu ia nampak macam dokumentari tetapi dimasukkan konflik sosial seperti sikap hasad dengki, penerimaan bekas banduan, selain diselitkan penggunaan teknologi moden dalam pertanian.

"Ceritanya tetap bersandarkan inspirasi pada realiti hidup. Peladang yang menontonnya akan pasti terasa ia begitu dekat dengan diri mereka.

Skrip drama ini dipantau Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan penggambarannya dipantau Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

"Setitik Peluh Sebutir Intan juga akan cuba mengajak generasi muda supaya bersedia untuk terus tinggal di kampung dan tidak perlu berhijrah kerana di kampung juga berpotensi untuk berjaya dalam kerjaya," katanya.

Mustapha pula menjelaskan, kos produksi Setitik Peluh Sebutir Intan membabitkan RM400,000 dengan penajanya ialah Perodua dan Proton yang masing-masing menyediakan kenderaan jenama Kembara, Rusa, Arena dan Juara.

"Konsep asal cerita drama ini adalah ilham bersama saya dengan Datuk Zain Hamzah. Dalam ceritanya kita mengambil kira pandangan Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkaitan dunia pertanian di Malaysia yang sebenarnya berpotensi untuk pergi jauh. Skripnya disiapkan Nahar sendiri," katanya.

(END)